

23/09/1998

Semua ahli MT yakin tindakan Presiden

KUALA LUMPUR, Selasa - Semua ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno menyokong tindakan yang diambil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah yang timbul berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata mesyuarat khas MT yang diadakan petang semalam, tidak memutuskan sebarang tindakan drastik bagi menangani masalah berkenaan.

Beliau menjelaskan, mesyuarat khas MT itu hanya bertujuan mendapatkan pandangan anggota MT mengenai beberapa kejadian yang berlaku sejak pemecatan Anwar dua minggu lalu.

"Tidak ada seorang pun yang menentang (tindakan terhadap Anwar). Ibrahim Saad (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri) yang jadi rakan karib Anwar pun, amat yakin dengan tindakan Perdana Menteri," katanya ketika ditemui di pejabatnya, hari ini.

Sabbaruddin berkata, ahli MT memberikan pandangan berdasarkan maklum balas yang diterima.

(END)